



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 28 MAC 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BUKA PASAR PAGI, TANI TANGANI LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	PASAR PAGI, PASAR TANI DICADANG BUKA SEMULA, BERNAMA -ONLINE	
3.	BEKALAN BERAS BEGARA CUKUP UNTUK DUA SETENGAH BULAN, NASIONAL, SH -20	
4.	PEKEBUN BUAH-BUAHAN TURUT TERJEJAS TERUK DEK COVID-19, MALAYSIA KINI -ONLINE	
5.	FOOD SUPPLY IS SUFFICIENT DURING MCO OERIOD, NATION, SIN CHEW DAILY -10	
6.	AGRICULTURE MINISTRY TO PROPOSE RE-OPENING OF FARMERS MARKET, MORNING MARKET DURING MCO, THE EDGE MARKET -ONLINE	
7.	TAPPING INTO AGRO-CULINARY TOURISM, NEWS, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -8	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## Buka pasar pagi, tani tangani lambakan hasil pertanian



RONALD Kiandee ketika sidang media selepas mesyuarat bersama pihak industri di Putrajaya.

KEMENTERIAN Pertanian Dan Industri Asas Tani akan mencadangkan kepada jawatankuasa khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) agar pasar pagi dan tani dibuka semula bagi menangani lambakan hasil pertanian.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, perkara itu akan dibawa ke majlis mesyuarat jawatankuasa PKP esok.

Menurut beliau, penutupan pasar pagi dan tani menyebabkan sayuran dan ikan tidak dapat dipasarkan kerana hanya pasar raya yang dibenarkan beroperasi.

"Kita harap cadangan ini diterima supaya tidak berlaku lambakan hasil pertanian dan mengakibatkan kerugian kepada pengusaha," katanya pada sidang media selepas mengadakan sesi dialog bersama pihak industri.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Zainal Azman Abu Seman.

Ronald berkata, cadangan yang akan dibawa ke mesyuarat esok adalah bagi membenarkan 37 pasar tani di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) beroperasi semula.

Menurut beliau, ketika ini, tiga 'MyFarm Outlet' FAMA masih beroperasi iaitu di Putrajaya, Chendering (Terengganu) dan Bagan Datoh (Perak) namun tidak kesemua peniaga dibenar beroperasi.

Katanya, sekiranya cadangan itu diterima, kementerian akan bekerjasama dengan FAMA bagi meletakkan kakitangan di pasar tani bagi memastikan orang ramai mematuhi jarak sosial dan peraturan lain.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan masalah pengusaha sayuran di Cameron Highlands yang hasil tani mereka tidak dapat dibawa turun selain nelayan di Hutan Melintang, Perak sudah diselesaikan.

Beliau turut memberi jaminan bekalan barangan makanan mencukupi dan berada di tahap stabil

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2020	BERNAMA	ONLINE	

### Pasar pagi, pasar tani dicadang buka semula



PUTRAJAYA, 27 Mac -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mencadangkan supaya pasar pagi dan pasar tani dibuka semula, dengan syarat bersesuaian dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).  
Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, cadangan itu bertujuan mengatasi masalah lambakan hasil pertanian yang dihadapi oleh pengeluar industri makanan,

selepas kedua-dua pasar berkenaan tidak dibenarkan beroperasi sejak PKP bermula pada 18 Mac.

"Pengusaha pertanian terutamanya ikan dan sayur kini berhadapan dengan lambakan produk, apabila hanya pasar raya sahaja dibenarkan dibuka sejak PKP bermula," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog dengan wakil industri makanan, di kementerianya di sini hari ini.

Kiandee berkata, cadangan berkenaan akan dibangkitkan dalam mesyuarat khas menteri-menteri berhubung PKP esok.

Malaysia kini sedang melaksanakan PKP sehingga 14 April.

-- BERNAMA

Headline	Bekalan beras negara cukup untuk dua setengah bulan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	28 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	20	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	133 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,490
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,469



## Bekalan beras negara cukup untuk dua setengah bulan

**KUALA LUMPUR** - Bekalan beras Malaysia hanya cukup untuk tempoh dua setengah bulan lagi ekoran tindakan pemerintah Vietnam yang menghentikan eksport barang tersebut.

Menerusi data daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Malaysia mempunyai sebanyak 500,000 tan stok beras dan memerlukan sebanyak 200,000 untuk di edarkan ke pasaran pada setiap bulan.

“Bernas telah bertindak untuk memastikan kontrak beras sehingga bulan Mei 2020 dari Vietnam walaupun pada harga yang tinggi.

“Langkah kami yang seterusnya ialah membeli beras daripada negara lain termasuk Pakistan, India, Myanmar dan Thailand,” menurut satu sumber di sini semalam.

*Channel News Asia* dari Singapura yang memetik laporan agensi beri-

ta pada Rabu lalu melaporkan Vietnam yang merupakan pengeksport ketiga beras terbesar itu mengumumkan mereka tidak akan menandatangani eksport beras yang baharu sehingga 28 Mac bagi memastikan keperluan domestik negara itu mencukupi selepas kebimbangan terhadap keselamatan makanan global ekoran wabak coronavirus (Covid-19).

Bagaimanapun, Malaysia yang merupakan pengimport beras dikatakan hanya mempunyai bekalan yang mencukupi untuk minggu kedua selepas sebulan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Malaysia yang merupakan negara ke-22 pengguna beras di dunia terpaksa mengimport sebanyak 30 hingga 40 peratus beras walaupun mempunyai je lapang padi sendiri bagi memenuhi keperluan seramai 32.6 juta rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

## Pekebun buah-buahan turut terjejas teruk dek Covid-19



Para pekebun dan pemborong buah-buahan turut merasai keperitan di bawah perintah kawalan pergerakan (PKP) apabila terpaksa membuang beratus-ratus tan bahan itu disebabkan rantaian bekalan yang terganggu.

Pengerusi Persatuan Pekebun Buah-buahan Selangor dan Kuala Lumpur, Jeffrey Choong, berkata lebih daripada 10,000 tan buah-buahan dibuang di Lembah Kelang semenjak PKP dikuatkuasakan.

Menurutnya, hasil pengeluaran pekebun pula hanya 50 peratus berbanding dengan waktu biasa walaupun bekalan makanan adalah sebahagian daripada perkhidmatan keperluan (*essential service*) mengikut Majlis

Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, hal itu berlaku kerana pekebun keliru ekoran peraturan dan syarat yang tidak jelas pada peringkat awal dulu.

Justeru, kata Choong, ramai pemandu lori tidak berani beroperasi dan banyak pasar yang tutup.

"Walaupun kerajaan sudah menjelaskan situasi dan memberi jaminan bahawa pekebun dan petani masih dibenarkan berfungsi, namun hasil pengeluaran telah turun secara mendadak," katanya.

"Banyak hasil tanaman pekebun tersekat secara tiba-tiba apabila PKP dilaksana. Maka kita terpaksa membuang hasil itu kerana ia memang tidak dapat disimpan lama," tambahnya.

### Nak buah tapi tiada di pasaran

Biasanya, jelas Choong, buah-buahan mampu bertahan selama seminggu atau lebih - sehingga tiga minggu - sekiranya dapat disimpan dalam peti ais.

Namun katanya disebabkan ruang penyimpanan yang terhad, tidak semuanya buah-buahan tersebut dapat disimpan dengan cara sedemikian.

Tambahnya, industri pertanian turut bergantung kepada pembekalan baja, racun, kilang pemprosesan, dan bengkel membaiki pulih kenderaan.

Bagaimanapun, katanya sektor sampingan itu terpaksa berhenti beroperasi di bawah PKP, sekali gus memberi kesan negatif secara tidak langsung terhadap pembekalan buah-buahan.

"Ramai pengguna yang ingin membeli buah, tapi di pasaran tiada bekalan. Semuanya disebabkan arahan atasan tidak sampai ke bawah, dan cara pelaksanaan yang bermasalah apabila sesuatu polisi dikenakan.

"Saya sendiri juga rugi berpuluh ribu ringgit, tapi masih kena bekerja, kami tak mahu orang ramai tak dapat makan buah," tambahnya.



Menurut Choong, tidak semua pekebun berani tampil untuk mengadu masalah mereka kepada persatuan kerana bimbang terhadap penguatkuasaan kerajaan.

"Ada antara mereka takut, tak berani bagitahu berapa rugi yang ditanggung. Oleh itu, maklumat yang kami ada pun tidak lengkap," katanya.

Dia juga percaya kerugian yang dialami - kerana terpaksa membuang buah-buahan - tidak terhad dalam kalangan pekebun di Selangor dan Kuala Lumpur saja sebaliknya turut melibatkan negeri lain.

Jumlah jualan masih terhad

Bagi memperbaiki masalah rantai bekalan, Choong memberitahu, persatuannya menghantar surat kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk mencari jalan penyelesaian.

Bagaimanapun, katanya tiada maklum balas diterima setakat ini.

"Kami semua - termasuk petani dan pekebun - sedia untuk duduk berbincang dan mencari cara penyelesaian. Kalau tidak boleh jumpa pun (sebab ancaman Covid-19) kami boleh buat mesyuarat secara dalam talian.

"Isu ini sangat serius, macam mana kami nak bersabar?" keluhnya.



Buat masa ini, katanya, bagi mengatasi kekangan itu sesetengah pemborong ada membuat penjualan melalui media sosial namun ia masih terbatas kerana jumlah yang dapat dijual terhad.

Sementara itu, pengusaha yang bekerjasama dengan Choong, Erik Ong, berkata dia bersama kawan-kawannya sedang berusaha melancarkan laman sosial "e-petani" bagi membantu petani dan pekebun di Lembah Klang mempromosi hasil tanaman masing-masing secara dalam talian.

Peniaga dari Taman Tun Dr Ismail itu juga menjelaskan terdapat sekurang-kurangnya 20 pekebun dan petani akan membekalkan hasil tanaman mereka untuk laman sesawang itu dan tempahan akan dibuat melalui perkhidmatan Grab bagi mengelakkan kontak rapat antara manusia.

"Harganya pasti jauh lebih rendah dari pasaran kerana tujuan utama kami adalah untuk melariskan produk tanaman dan mengelakkan pembaziran.

"Sekiranya hasil jualan mencapai sasaran, kami akan membekalkan sayur dan buah-buahan percuma kepada petugas barisan hadapan seperti jururawat, doktor dan anggota polis," katanya.

Terdahulu, *Malaysiakini* melaporkan kebanyakan petani dan pekebun meluahkan rasa kecewa kerana terpaksa membuang hasil tanaman mereka akibat peraturan PKP yang mengehadakan operasi pasar raya dan pergerakan orang ramai.

Maiah, ada petani mendakwa mereka terpaksa membuang beberapa tan sayur dan bisnis pula merudum sehingga 30 peratus.

Sebelum ini, Pengarah Strategi PKR Sim Tze Tzin mendakwa terdapat kes pembuangan hasil pertanian di Johor dan Cameron Highlands dalam tempoh PKP.

Beliau turut menyeru kerajaan supaya mengambil langkah drastik bagi mengatasi kerugian yang dihadapi oleh petani sepanjang tempoh PKP.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Mazlan Lazim pula meminta pekerja khususnya di sektor pertanian supaya lebih bersabar sepanjang tempoh PKP.

Jelasnya, pihak berkuasa hanya menggesa pekerja sektor pertanian untuk mengurangkan tenaga kerja bukan menghalang untuk berniaga.

Headline	Food supply is sufficient during MCO period		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	28 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	10	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	426 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,831
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,493



罗纳建迪（前排右三）在新闻发布会后与业者合影。前排右起为移民局局长拿督弗兹亚、部门秘书长拿督再纳阿兹曼；前排左一莫哈末弗亚及左三为第一副部长拿督斯里阿末沙。右五为江华强。

# 農長：業者保證 行管期糧食供應充足

（布城27日讯）农业及食物工业部长拿督罗纳建迪说，在与多个粮食组织代表和大马中小型企公会召开会议后，业者向农业部保证，在行动管制令期间将确保国内粮食供应充足。

## 探讨重启农业市集

针对早市及农业市集（Pasar Tani）停业导致大批农产品滞销问题，他说，明天他将把问题带上行管令执行跨部长特别会讨论，探讨让巴刹、农业市集重启的可能。

他今日在部门召开新闻发布会时说，行管令初期食品加工厂一概不准开业，不过如今政府决定放宽通融，让这些加工厂，及其他支援工厂如肥料和杀虫剂厂家有限度的营运，即50%员工获得运作。

## 蔬菜鱼产运送问题解决

询及金马仑高原菜农面对无法将蔬菜运下山以销售予人民的问题，罗纳建迪说，该部

已采取行动解决了这项问题，他坦承当中可能发生了一些小问题。

他说，部分有关业者的问题，并不代表着是整体金马仑菜农，无法将蔬菜批发出售，意即不是所有菜农不能将蔬菜运输下来。

他以发生在霹靂州半港渔民的课题为例，渔民被指无法将渔获运往某区而把它丢回大海，是因为海产加工厂停业，才造成渔获无法运往工厂加工；业者已采取了行动解决此问题。

询及管制令期间，政府是否展开回购农产品行动以减轻农民的亏损，罗纳建迪说，该部将通过联邦农业销售局（FAMA）落实的措施，来减轻农民和业者的压力，包括如上所述在明、后天让布城9区MyFarm Outlet能够开业，业者数量从原有11档增加至20、30档。

针对首相甫在振兴经济配套宣布拨款10亿令吉，充作粮食供应保障的用途，罗纳建迪说，该部将会落实刚由首相宣布的特定计划，确保国家粮食安全进一步获保障，也同样确保食品工业继续受到关注。

## 市場供應量充足的 食物

米粮	达到50万公吨（metric ton）供应量，每个月需求量为20万公吨
鸡只	每月5900万只的供应量，每个月需求量为4300万只
鸡蛋	8亿个鸡蛋供应量，每个月需求量为6亿2000万个鸡蛋
牛肉	2500公吨牛肉供应量，足够供现有需求
蔬菜	每月23万5681.2公吨的供应
水果	每月12万8282.8公吨的供应
鲜奶	每月510万公毫的供应

## 農產品供應鏈問題解決 江華強：農長聽取業者建議

与此同时，马来西亚中小型企业公会总会长拿督江华强透露，随着该会今日与农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪对话后，国内农产品的供应链问题已全部迎刃而解。

他指出，罗纳建迪和副部长拿督斯里阿末韩查在听取了业者代表的心声和建议后，立即采取对策，以确保全国人民在行管令期间获得足够的粮食，而商家或从事食品加工的中小企业也能提供充足的货源。

江华强今日联同其他领域的业者代表出席与农业部长的对话会之后对星洲日报说，席上也讨论了库存量和货源供应的问题，包括如何把产品交到消费者手上，毕竟现在很多夜市场都关闭。

此外，制造业协会代表莫哈末弗亚受访时说，今天欣慰业者的问题大部分已获得解决，只剩下少部分的原料供应商还未获得批准信。

他说，工厂业者在行管令期间也愿意遵从政府的指示运作，就减少一半的人手。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/3/2020	THE EDGE MARKET	ONLINE	

## **Agriculture Ministry to propose re-opening of farmers market, morning market during MCO**



PUTRAJAYA (March 27): The Agriculture and Food Industry Ministry will propose that the morning markets and the farmers markets be allowed to operate with certain conditions during the enforcement of the Movement Control Order (MCO). Its Minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, said the Ministry would table the proposal to overcome the glut in agricultural produce facing food industry producers with the closure of both markets

since the enforcement of the MCO from March 18.

"Agricultural producers, especially of fish and vegetables, are now facing a glut of their products since only supermarkets are allowed to open during MCO," he told reporters after a dialogue with representatives of the food industry at his Ministry here today.

Kiandee said the proposal would be raised at a special Ministerial meeting on MCO tomorrow.

Enforcement of MCO nationwide has been extended until April 14.



Headline	Tapping into agro-culinary tourism		
MediaTitle	The Star (Metro South and East)		
Date	28 Mar 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,900
Page No	8	Readership	59,700
Language	English	ArticleSize	548 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,690
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,071



Zainal Azman (in green shirt) with participants of the National Agro Tourism Seminar 2020 in Langkawi, Kedah. The event was held before Covid-19 was declared a pandemic. — Bernama

# Tapping into agro-culinary tourism

Ministry keen on further promoting country as a global food destination

AGRO-CULINARY tourism can be an attraction in promoting Malaysia as an international food destination, said Agriculture and Agro-based Industry Ministry secretary-general Datuk Zainal Azman Abu Seman.

He said his ministry was currently focusing on boosting the sector including its strategies, logistics and value chain as well as identifying specific methods that could help the industry players involved.

"In agro-culinary tourism, 38 varieties of Malaysian dishes have been identified including nasi lemak, sntay, roti canai as well as teh tarik.

"To expand agro-culinary, it means we will be using ingredients from local sources such as herbs including lemongrass and spices like black pepper, and may involve other industries such as

the livestock industry," he told a press conference after opening the National Agro-Tourism Seminar 2020 in Langkawi, Kedah recently.

The event was held before the movement control order came into force on March 18 in view of the Covid-19 pandemic.

Zainal Azman said special programmes to boost the sector would also need to be included in the 12th Malaysia Plan (12MP) and the ministry was in discussions with the Ministry of Economic Affairs on the matter.

"So, if we can develop agro-culinary further, it will not only be a tourism product but will be able to boost other supporting industries.

"2020 is the final year of the 11MP and with the incoming 12MP, we hope that we will have the support of other relevant

ministries, especially the Finance Ministry and Economic Affairs Ministry, to make this happen," he said.

On the seminar, Zainal Azman said all of the suggestions received from the participants would be fine-tuned and included in his ministry's strategic plan to help further develop the country's agro-tourism sector which had so far contributed more than RM200bil to the country's revenue.

Also present at the event was Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) director-general Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

With more than 200 participants, the three-day seminar with the theme, 'Technology the Catalyst for Agro Tourism', was organised by MARDI in collaboration with the Tourism, Arts and Culture Ministry. — Bernama



Zainal Azman (in green shirt) and Dr Mohamad Roff (right) chatting with a participant at the seminar.